

Headline	Persidangan hutan mampan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	30	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,522
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,567



PESERTA persidangan (SFDCC 2016) merakamkan gambar kenangan di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Persidangan hutan mampan

FAKULTI Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini menganjurkan Persidangan Antarabangsa Mengenai Pembangunan Hutan Mampan Menerusi Perubahan Ilklim (SFDCC 2016), yang membincangkan isu-isu pembangunan hutan mampan dengan mengambil kira faktor perubahan iklim di dalam strategi dan pelan pembangunan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, **Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar** berkata, penganjuran SFDCC 2016 bertepatan kerana terdapat banyak persoalan bagaimana sumber hutan dapat diuruskan secara mampan pada masa hadapan dengan mengambil kira kesan daripada perubahan iklim.

“Perubahan iklim memberi kesan peningkatan suhu, perubahan rejim hujan dan

ekologi hutan untuk jangka masa panjang.

“Justeru, kajian berkaitan dengan perubahan iklim serta strategi perlu dilakukan untuk memastikan bekalan hutan yang mampan serta fungsi hutan tidak terjejas agar dapat dimanfaatkan kepada generasi masa depan,” katanya.

Beliau berharap peserta persidangan meningkatkan jaringan kerjasama supaya dapat menggembung tenaga ke arah mencari kaedah penyelesaian serta merancang strategi yang bertepatan dengan isu-isu berkaitan.

Pengerusi SFDCC 2016, **Prof. Madya Dr. Seca Gandaseca** pula berkata, SFDCC 2016 mengumpulkan hampir 200 penyelidik, ilmuwan dan pembuat polisi perhutanan daripada pelbagai bidang berkaitan perhutanan dari 17 negara.

“Persidangan ini bertujuan

menyebar luas penemuan-penemuan kajian terkini berkaitan pelbagai bidang perhutanan dari hidrologi, operasi, biodiversiti, ekonomi, pelancongan dan lain-lain dengan mengambil kira faktor perubahan iklim.

“Isu-isu berkaitan pembangunan hutan secara mampan menjadi inti pati utama perbincangan kali ini,” katanya.

Persidangan itu dianjurkan dengan kerjasama Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan (IUFRO), Persatuan Asia Pasifik Bagi Institut Penyelidikan Perhutanan (APAFRI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP) UPM dan dibiayai oleh Persekutuan Kayu-kayan Sarawak (STA) dan Majlis Kayu-kayan Malaysia (MTC).



WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR